

"Kualiti Memacu Pencapaian Terbilang"

majlis

Hari Kualiti UTeM 2007

25 Ogos 2007

Dewan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
Ayer Keroh, Melaka



“ Kualiti Memacu Pencapaian Terbilang ”

MAJLIS
HARI KUALITI UTeM 2007

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

25 Ogos 2007

Dewan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
Ayer Keroh, Melaka

KATA ALU-ALUAN
NAIB CANSELOR UTeM
Y.Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan



Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Hari Kualiti UTeM 2007 ini merupakan yang pertama diadakan setelah penjenamaan semula nama universiti pada 1 Februari 2007 yang lalu. Ini merupakan satu lembaran baru kepada universiti yang seharusnya memberikan kita lebih semangat untuk terus memburu kejayaan yang lebih manis dan lebih bermakna pada masa hadapan. Untuk itu marilah kita bertekad untuk menggandakan lagi usaha bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan terbaik yang telahpun kita berikan selama ini.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah satu penghargaan yang diberikan oleh pihak universiti terhadap kecemerlangan staf UTeM dalam membangunkan universiti. Ia bagi menggalakkan lagi kesungguhan dan kecekapan kita dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan keseluruhan.

Kepuasan pelanggan perlu diutamakan dan tahap kepuasan pelanggan ini perlu diukur pada setiap masa supaya kita dapat memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ini akan membolehkan pihak universiti mengambil langkah perlu bagi memastikan perkhidmatan yang kita berikan sentiasa relevan dengan kehendak pelanggan di samping kita dapat menambah nilai kualiti perkhidmatan supaya ia melebihi dari jangkauan pelanggan.

Dalam kepesatan arus globalisasi dan persaingan yang semakin sengit kita perlu cekap dan lebih dinamis untuk meletakkan UTeM sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang terbaik di rantau ini malah di dunia. Marilah kita bekerjasama dan bersatu hati untuk mencapai cita-cita tersebut. Tanpa kesepakatan dari semua staf UTeM ia mustahil dapat direalisasikan.

Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada staf UTeM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Semoga ia menjadi pendorong kepada kita semua untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik setiap masa.

Sekian, terima kasih.

Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan
Naib Canselor

VISI

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia

MISI

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi Serta Perkongsian Pintar Universiti-Industri Seajar Dengan Aspirasi Negara

MOTO

Kompetensi Teras Kegemilangan

OBJEKTIF

1. Menjadi sebuah organisasi pembelajaran dan keilmuan yang kreatif dan inovatif menawarkan program akademik dalam bidang kejuruteraan & teknologi berorientasikan aplikasi dan amalan
2. Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan / inovasi dan perundingan yang berlandaskan keperluan industri
3. Melahirkan graduan yang kompeten dan bersahsiah murni yang menjadi pilihan utama industri
4. Mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta memiliki pengalaman praktikal yang luas
5. Memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara
6. Mengadakan kerjasama dan perkongsian pintar universiti-industri
7. Mengadakan prasarana persekitaran yang kondusif untuk menjana dan mengekalkan kecemerlangan
8. Melaksanakan penggunaan ICT secara menyeluruh dan meluas dalam aktiviti akademik dan pengurusan universiti

ATUR CARA

Majlis Hari Kualiti 2007 & Malam Penghargaan Sempena Konvokesyen Ketiga UTeM

- 8.00 malam - Kehadiran Staf
- 8.15 malam - Pendaftaran Penerima-penerima Anugerah
- 8.20 malam - Ketibaan Pegawai-pegawai Kanan Universiti
- 8.25 malam - Ketibaan Naib Canselor UTeM
Y.Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan
- 8.30 malam - Bacaan Doa
- Nyanyian Koir (Negaraku, Perkhidmatan Awam & Kualiti)
- 8.40 malam - Ucapan oleh Naib Canselor UTeM
- 8.50 malam - Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Penyampaian Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang
- Penyampaian Sijil-sijil Penghargaan Petugas Konvokesyen
- Jamuan Makan
- Persembahan Orkestra
- Nyanyian Koir (UTeM Terbilang)
- Majlis Bersurai

PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

KRITERIA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berkualiti.

Perkhidmatan cemerlang ialah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang staf yang mana mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh dalam menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha kepada staf-staf yang lain.

Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuat kuasa mulai 1 November 2002. Berikutan dengan pelaksanaan sistem ini, Kerajaan telah menetapkan supaya dasar dan kaedah pemberian APC diubahsuai sewajarnya melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 'Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam'. Dengan itu, mulai daripada keluarnya Pekeliling ini, semua peraturan dan rujukan mengenai pemberian APC hendaklah menggunakan Pekeliling ini.

Dasar dan kaedah berkaitan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dinyatakan dengan ringkas seperti butiran berikut:-

Kelayakan

- i. Staf yang dilantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara **tetap, sementara atau kontrak**
- ii. Kelayakan ini meliputi staf yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia
- iii. Staf telah berkhidmat bagi tempoh **genap setahun penuh** pada tarikh terakhir tahun penilaian

Asas Penilaian

Penilaian terhadap staf bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini wajar diambil dari kalangan mereka yang mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 85 peratus dan lebih.

Bilangan Penerima

- i. Kuota bilangan penerima Anugerah ini bagi setiap agensi tidak melebihi 8 peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan.
- ii. Sungguhpun begitu, had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi
- iii. Dalam konteks UTeM, memandangkan jumlah keseluruhan staf yang dinilai bagi tahun 2006 ialah 1137 orang, 8 peratus daripada jumlah tersebut ialah 91 orang.

Insentif dan Hadiah

Insentif dan hadiah yang layak diterima oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ialah:-

- i. Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- ii. Hadiah Prestasi sebanyak RM1,000;
- iii. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri; dan
- v. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai

IKRAR INTERGRITI PEGAWAI AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan penuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membenters segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut :

- Pertama : Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua : Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga : Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Keempat : Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak yang memerangi sebarang perlakuan jenayah;
- Kelima : Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam : Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

UTeM TERBILANG

Di sini segala bermula
Cemerlang mencipta gemilang
Bertuah bumiku menyaksi
Bersama kita berjuang

Tersohor persada dunia
Senada wawasan Negara
Melahir insan luhur jiwa
Mampan menambat dunia

Perkongsian pintar
Universiti dan industri
Kreatif inovatif
Pembelajaran teras
Aplikasi dan kompetensi
Tekad mencapai visi

Demi semangat Negara
Kami mencurah bakti
Nasib pertiwi terus dibela
Kepada ibunda kami berjanji

UTeM ku cemerlang
UTeM ku gemilang
UTeM ku terbilang
UTeM ku terus berjuang

PERKHIDMATAN AWAM

Kita memegang amanah bangsa
Kita juga telah berikrar
Taat setia, korban tenaga
Bela bangsa dan Negara

Etika kerja, kita amalkan
Tekun, jujur dan berbudaya
Gandakan hasil dan pembangunan
Berkhidmat, bakti berjasa

Agama asas pegangan
Perlembagaan Negara dijunjung
Rukun Negara jadi pedoman

Kita benteng Malaysia

KUALITI

Apa saja yang susah
Akan menjadi mudah
Sekiranya semua
Bersatu berusaha
Kualiti teras kejayaan
Bertambah keuntungan
Kerja seikhlas hati
Sempurna pekerjaan

Kita Bantu membantu,
Bertukar-tukar fikiran
Bersatu kita maju,
Kearah kemakmuran
Kita tegur menegur, kerana kebaikan
Berusaha dengan jujur mencapai
kejayaan

“ Kualiti Memacu Pencapaian Terbilang ”



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

اونيومرسي تي 2007
كل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Mohamad Yusof bin Mohamad Dan
Penolong Pendaftar
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Canselori

Bertugas di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Mohamad Yusof berpeluang untuk terlibat dalam proses temu bual bagi jawatan pensyarah dengan pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom dan Jerman. Mohamad Yusof juga ditugaskan untuk membantu dalam menguruskan kewangan Pejabat Canselori serta urusan protokol bagi majlis-majlis rasmi Universiti. Di samping menjalankan tugas-tugas hakiki, beliau juga ditugaskan untuk membantu Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi dalam penyediaan dokumen Pelan Strategik Universiti untuk tahun 2006 - 2010 dan bertindak sebagai Auditor Dalaman bagi Program MS ISO 9001:2000. Beliau turut diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai Pengerusi Kelab Staf Canselori (K-Scans), Pengerusi Jawatankuasa Teknik & Pembangunan Sukan Badminton dan AJK Kecil Biro Sosial &

Kebajikan BAKUTeM sesi 006/2008. Beliau turut aktif dalam bidang sukan dengan mewakili Universiti bagi acara badminton campuran semasa Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-31 serta Sukan Antara Jabatan untuk acara badminton, bola tampar dan sepak takraw.


Juan Rizal bin Datuk Haji Sa'ari
Penolong Pendaftar
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Canselori

Berpegang kepada moto "Hidup Biar Berjasa", Juan Rizal bin Datuk Hj. Sa'ari sentiasa berusaha melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Beliau yang kini berkhidmat di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah berkhidmat kepada dua orang Timbalan Naib Canselor (dahulu dikenali sebagai Timbalan Rektor). Beliau tidak lokek menyumbangkan bakti dan keringat dalam menjayakan majlis-majlis utama Universiti seperti Majlis Konvokesyen serta majlis-majlis rasmi yang lain dengan mengetuai Jawatankuasa 2 (Protokol dan Sambutan). Antara sumbangan signifikan beliau ialah berjaya menubuhkan pasukan ragbi di Universiti ini dan telah diberi kepercayaan sebagai jurulatih pasukan ragbi KUTKM Kroons dari tahun 2004 sehingga kini. Beliau turut menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Badan Sukarelawan Al-Taqwa Majlis Agama Islam Melaka, Ahli Jawatankuasa Kerja Buku Fakta Semasa 2007 Biro Latihan UMNO Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Penyediaan & Sekretariat Direktori Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa & Guru Daerah Melaka Tengah 2005-2007. Kejayaan yang dikecapi hari ini bagi beliau merupakan berkat sokongan daripada isteri, keluarga dan rakan sekerja.



Nazhatul Shima binti Abu Samah
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Pada tahun 2006, Nazhatul Shima bertugas di Unit Perhubungan Antarabangsa, Pusat Perhubungan Korporat & Antarabangsa iaitu mulai tahun 2003 lagi. Di pejabat berkenaan beliau berperanan membantu tugas berkaitan urusan pengantarabangsaan di UTeM. Beliau pernah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Jemputan Konvokesyen UTeM, menjadi Urus Setia Majlis Perutusan Tahunan Rektor, Minggu Haluan Siswa, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Sambutan Hari Raya bagi tahun 2006. Shima sentiasa mengamalkan prinsip amanah, rajin dan tekun dalam melaksanakan tugas. Beliau amat menitik beratkan sokongan dan penglibatan rakan-rakan sekerja (team work) dalam sesuatu tugas. Beliau percaya tanpa sokongan semua pihak, maka pincanglah sesebuah jabatan itu dan tugas yang diberikan tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna. Shima sentiasa meletakkan kepentingan organisasi di hadapan dan kerana itu beliau sanggup melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi.



Ismail bin Md Nor @ Mohd Nor
Pembantu Tadbir (P/O)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Selaras dengan prinsip yang dipegang '*buat sehingga selesai dan berjaya*'. Sepanjang tahun 2006, Ismail telah menjadi ahli pasukan pemantau IPTA Kementerian Pengajian Tinggi bagi Pilihan Raya Kecil di seluruh negara. Beliau turut dilantik menjadi pembantu penyelaras Minggu Haluan Siswa, petugas Pesta Konvokesyen, Pilihanraya Pelajar, urus setia program Bakti Siswa. Beliau merakamkan ucapan terima kasih di atas dorongan dan sokongan yang diberikan terutamanya oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, pegawai-pegawai serta rakan-rakan setugas.



Ishak bin Amin
Pegawai Belia & Sukan
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Bertugas sebagai Pegawai Belia & Sukan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Ishak bertanggungjawab untuk menguruskan penyediaan kemudahan gelanggang, peralatan sukan dan rekreasi sentiasa lengkap dan berada dalam keadaan baik. Beliau juga terlibat dalam menguruskan penyertaan pasukan Universiti ke pertandingan sukan dan rekreasi anjuran luar, mengelola penganjuran pertandingan hinggalah kepada pengumpulan data berkaitan sukan dan rekreasi. Selain daripada itu, beliau juga bertindak sebagai Penasihat Persatuan Pelumba Basikal Kebangsaan. Jutaan kesyukuran beliau panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNYA beliau dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini dan sekaligus meningkatkan lagi semangat beliau untuk mencurahkan bakti buat UTeM tercinta. Ishak berpendapat, kerjasama daripada rakan-rakan membantu beliau mengesap kecemerlangan hari ini.

Azhar bin Mohd Salleh
Penolong Pendaftar
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Azhar Mohd Salleh mula bertugas di KUTKM pada 19 Mac 2001 dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar. Pada 1 November 2004 telah berpindah ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan ditempatkan di Unit Perhubungan dan Aktiviti Pelajar. Di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Azhar Mohd Salleh telah melaksanakan program-program dalam usaha untuk meningkatkan "Soft Skill" pelajar di mana kemahiran ini harus diterapkan kepada mahasiswa agar mereka akan dapat nilai tambah dan mampu bersaing di peringkat global. Antara program pelajar yang dilaksanakan adalah seperti Program Bakti Siswa yang diadakan di Negeri Sembilan, Johor dan Kelantan, Konvensyen Pemimpin Muda, Bengkel Kepimpinan Pelajar, Kursus Pengurusan Organisasi, Kursus Training Of Trainers (TOT), Perkhemahan Perdana Mahasiswa, Program Pengantarabangsa Pelajar, Ekspedisi Gunung Kinabalu dan lain-lain lagi. Selain tugas tersebut beliau turut terlibat sebagai Ahli Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan dilantik menjadi hakim dalam setiap pertandingan yang dianjurkan MADUM, menjadi penceramah kursus induksi untuk staf. Beliau juga turut dilantik sebagai Auditor Dalaman UTeM dalam Program MS ISO 9001:2000 dan terlibat juga sebagai Ahli Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ), Exco Lawatan Kerja, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAKTIS) sehingga kini.






Sulaina binti Kamardin @ Kamarudin
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Sulaina mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir di Unit Disiplin dan Keselamatan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada 23 Mac 2004. Sepanjang 2006, bidang tugas beliau tertumpu kepada operasi pemantauan disiplin dan penampilan pakaian pelajar, mengemas kini Sistem Maklumat Pelajar (SMP), membantu dalam perbincangan tatatertib pelajar serta membantu menjalankan aktiviti unit untuk Program Kem Pemantapan Jati Diri dan Pertahanan Diri secara bersiri. Beliau turut membantu menjalankan sesi pemilihan dan temu duga anggota Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) yang telah ditubuhkan pada 10 Julai 2006. Beliau merupakan ahli kelab Koir yang sentiasa membuat persembahan dalam majlis-majlis yang dianjurkan oleh Universiti. Selain daripada itu, beliau banyak membantu

dalam program anjuran Universiti seperti Minggu Haluan Siswa, Pesta Konvokesyen, Pilihan raya MPP dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh HEPA. Bagi beliau, penganugerahan ini bukanlah pencapaian peribadi tetapi harus dikongsi dengan rakan-rakan yang lain kerana tanpa kerjasama mereka, segala tugas tidak dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Dengan mengamalkan sikap "belajar daripada kesilapan dan sentiasa berfikiran terbuka", memudahkan beliau melakukan kerja dengan lebih sempurna dan membakar semangat untuk terus berjaya dalam pelbagai bidang yang diceburi.



Rafedah binti Sajadi
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Sepanjang 2006, selain kerja-kerja hakiki, Rafedah telah diberikan tanggungjawab membantu urusan penginapan pelajar baru bagi Sesi 2006/2007, menguruskan penginapan pelajar, penyewaan dan urusan menerima lawatan pelajar dari IPTA lain. Selain daripada itu, beliau juga ditugaskan untuk membantu proses pengauditan Sistem MS ISO 9001:2000 bagi skop proses tindakan Unit Kolej Kediaman. Antara aktiviti HEPA yang disertai oleh Rafedah ialah sebagai Urus Setia Bengkel JAKSIS Kolej Kediaman, penglibatan pada Minggu Haluan Siswa, Pilihanraya MPP serta membantu menguruskan persiapan Majlis Konvensyen Patriotisme Mahasiswa KUTKM 2006. Beliau juga merupakan salah seorang pemain Gamelan Universiti untuk Majlis Konvokesyen Kedua 2006. Penganugerahan ini bukan nokhtah untuk menyumbangkan kerja yang terbaik malah ia merupakan inspirasi kepada beliau untuk terus mencurahkan bakti serta penghasilan mutu kerja yang cemerlang.



Husin bin Aji
Pemandu Kenderaan Bermotor
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

September 2003 merupakan titik permulaan perkhidmatan Husin sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor di Universiti ini. Beliau merasa sungguh bertuah dapat berkhidmat di Universiti ini. Tugas harian beliau termasuklah mengambil dan menghantar para pelajar dari Kolej Kediaman ke kuliah dan sebaliknya. Tidak terbatas kepada rutin harian sahaja, beliau turut menghantar pelajar semasa program-program yang dianjurkan oleh Universiti mahupun Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi beliau setiap arahan yang diberi merupakan satu amanah dan beliau sentiasa berusaha melaksanakannya dengan penuh rasa tanggungjawab. Sebagai pemandu beliau merasa bertanggungjawab dalam memastikan penumpang yang dipandunya terutamanya para pelajar, sampai ke destinasi masing-masing tepat pada masanya dengan selamat. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diterimanya kali ini akan mendorong beliau dalam mempertingkatkan mutu kerja agar lebih cemerlang di masa akan datang.



Mohammad Faizal bin Sahar
Pemandu Kenderaan
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni


Mohammad Faizal memulakan tugas sebagai pemandu bermula 18 November 2002. Peluang yang ada ini telah beliau gunakan sepenuhnya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada Universiti. Walaupun dipertanggungjawabkan untuk membawa bas, tetapi Faizal sentiasa sedia membantu pihak pentadbiran membawa kenderaan-kenderaan lain terutama ketika kecemasan bagi menggantikan rakan sekerja yang tidak dapat hadir bertugas. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dan sikap ringan tulang sebeginilah yang seharusnya perlu disemat dalam diri setiap pemandu. Sebelum ini, beliau ditempatkan di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dan bertukar ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada Februari 2007. Bagi beliau, walau dimanapun penempatan, tugas harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Ucapan ribuan terima kasih terhadap Pengarah, Penolong Pendaftar serta rakan-rakan yang banyak membantu sepanjang kerjaya beliau di UTeM. Juga tidak lupa kepada keluarga yang disayangi kerana memahami kerjaya beliau sebagai pemandu yang mana sebahagian besar daripada masa beliau terikat dengan tugas. Pengorbanan ini dirasakan amatlah berharga dengan pencapaian yang diperolehi ini.

Suhana binti Ariffin
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Pendaftar

Suhana merupakan seorang staf yang sangat aktif melibatkan diri dalam bidang sukan di peringkat Universiti. Beliau telah mewakili Universiti dalam acara Tenpin Bowling pada Sukan Staf Antara IPTA yang Ke-31 di Universiti Putra Malaysia (UPM). Bakatnya dalam bidang sukan telah menjadikan beliau tulang belakang kepada kejayaan pasukan bola tampar wanita Pejabat Pendaftar untuk meraih tempat kedua dalam Pertandingan Sukan Antara Jabatan UTeM. Beliau juga telah membantu pasukannya menempa tempat ketiga bagi sukan bola jaring dalam pertandingan yang sama. Suhana turut mewakili jabatannya dalam sukan badminton dan telah berjaya mendapat tempat kedua. Suhana juga mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang kesenian. Minatnya telah membuatkan beliau menyertai Kumpulan Koir Universiti yang sering mengadakan persembahan semasa majlis-majlis utama Universiti seperti Majlis Konvokesyen dan juga Majlis Hari Kualiti saban tahun. Beliau telah diberi kepercayaan sebagai Setiausaha dalam Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR). Beliau turut menyumbang keringat sebagai sukarelawan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Melaka semasa bencana alam tersebut menimpa kebanyakan negeri di selatan tanah air.



Idris bin Md Nor
Pengawal Keselamatan
Pejabat Pendaftar



Idris mula berkhidmat di UTeM pada 12 Disember 2002 sebagai Pengawal Keselamatan. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia selama 21 tahun. Justeru itu, disiplin yang tinggi, pakaian yang kemas dan juga layanan mesra telah sehati dengan diri beliau. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai Pengawal Keselamatan, beliau juga aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili Universiti dalam acara bola tampar, bola sepak veteran dan olah raga semenjak tahun 2003 hingga 2006. Beliau amat berterima kasih kepada seluruh warga Bahagian Keselamatan dan Universiti amnya yang telah banyak memberikan dorongan dan sokongan untuk membantu dalam menjayakan tugas-tugas harian.

Mat Ayub bin Hj. Katon
Pengawal Keselamatan
Pejabat Pendaftar

Mat Ayub yang bertugas sebagai Pengawal Keselamatan telah berkhidmat di UTeM selama 4 tahun. Sebelum ini, beliau turut mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang sama di Petaling Jaya Hilton. Bagi beliau, anugerah ini menguatkan lagi semangat dan iltizam beliau untuk bekerja dengan lebih gigih. Beliau juga percaya bahawa sikap bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugas yang diberi merupakan salah satu faktor yang membawa kepada kejayaan beliau. Beliau yang juga aktif dalam bidang sukan pernah mewakili UTeM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti dan Kejohanan Sukan Staf Antara Jabatan.



Norihan binti Abu Nawar
Penolong Pendaftar
Pejabat Pendaftar

Pada tahun 2006, semua hal ehwal berkaitan dengan Majlis Konvokesyen diletakkan di bawah tanggungjawab Unit Senat & Konvokesyen, iaitu Unit yang diterajui oleh Norihan. Walaupun majlis konvokesyen diadakan setahun sekali, tetapi kerja-kerja di belakang tabir telah dimulakan sejak awal tahun lagi. Selain daripada memastikan jubah Pegawai Kanan Universiti, staf akademik dan pelajar mencukupi serta berada dalam keadaan sempurna, beliau juga memastikan bahawa semua persiapan majlis konvokesyen berjalan dengan lancar. Selaku Urus Setia Senat & Konvokesyen, beliau merupakan perintis dalam penggunaan e-mesyuarat di Universiti ini iaitu e-senat. Susulan daripada kejayaan melaksanakan sistem tersebut, beliau sekali lagi telah bekerjasama dengan Pusat Komputer bagi membangunkan Modul Jubah Konvokesyen dan Modul Hadiah Akademik bagi pelajar yang dianugerahkan semasa Majlis Konvokesyen melalui Sistem Maklumat Pelajar. Norihan juga telah dilantik sebagai Auditor Dalaman Program ISO 9001:2000 dan menganggotai Sidang Redaksi bagi majalah Momentum. Bagi beliau, dorongan dan kerjasama daripada suami serta anak dan rakan-rakan sekerja banyak memberi inspirasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.



Azhar bin Mohamed
Penolong Pendaftar
Pejabat Pendaftar

Menurut Azhar resepi pencapaian beliau yang membanggakan ini ialah semangkuk kesyukuran, 1kg ilmu pengetahuan, 10 biji ikhlas gred A, secukup rasa rendah diri, secubit asam garam kehidupan buat pengajaran, 1 liter hormat kepada semua lapisan kakitangan, 1/2 kati sayur tidak berkira, 500 gram tolak ansur, sedozen tabah, beberapa titik doa dan tawakal. Kesemuanya digaul hingga sebatid dan dimasak dengan api mesra.



Norlizawati binti Ab. Rahaman
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar

Sebagai Pembantu Tadbir (Pengkeranian dan Operasi) di Unit Urus Setia Senat & Konvokesyen beliau dipertanggungjawabkan membantu Urus Setia Mesyuarat Senat Universiti, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Keputusan Peperiksaan, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Program Akademik Baru, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Hadiah Akademik, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Konvokesyen, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Konvokesyen dan Mesyuarat Urus Setia Konvokesyen. Norlizawati juga membantu dalam menguruskan jubah staf akademik, Pegawai Kanan dan jubah pelajar iaitu daripada proses penerimaan jubah dari pembekal hinggalah menguruskan peminjaman serta pemulangan jubah. Selain itu, beliau turut menyumbangkan keringat semasa Pengambilan Pelajar baru bagi sesi 2006/2007, aktiviti-aktiviti pameran dan promosi di mana-mana IPT. Beliau juga membantu semasa pengurusan dan pengendalian Peperiksaan Akhir Semester saban tahun. Minatnya kepada bidang kesenian telah mendorong beliau untuk menjadi salah seorang pemain Kumpulan Gamelan UTeM bagi majlis-majlis rasmi Universiti.

Ani binti Jaffri
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Pendaftar



Ani yang telah berkhidmat di Unit Urus Setia LPU, Bahagian Keutuhan Pengurusan semenjak 27 Mei 2002 telah dipertanggungjawabkan untuk membantu dalam pengurusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan Mesyuarat Majlis Eksekutif. Beliau turut membantu dalam pengurusan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan peringkat Universiti, urusan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pemberian Anjakan Gaji dan turut menjadi Urus Setia Majlis Hari Kualiti saban tahun. Beliau turut menyumbangkan keringat sebagai Petugas Majlis Konvokesyen Kedua KUTKM 2006 dan menjadi Sukarelawan Bantuan Mangsa Banjir yang melanda kebanyakan negeri di selatan tanah air sekitar Disember 2006. Apa yang dicurah cumalah 'setitis air di lautan'. Bagi beliau anugerah yang diberikan ini sebagai satu amanah yang besar dan berazam untuk melipatgandakan usaha kerana masih banyak lagi yang perlu dipelajari.

Mohd Sazrin bin Sahad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Pendaftar



Mohd Sazrin memulakan kerjaya pada 3 Mei 2003 iaitu apabila mula berkhidmat dengan Universiti ini. Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir (P&O) di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia banyak membantu dalam pengurusan pengambilan staf, lapor diri staf baru serta menguruskan staf meletak jawatan. Beliau sentiasa berhubung rapat dengan pihak imigrasi kerana sering berurusan bagi menguruskan staf-staf kontrak. Selain daripada tugas-tugas hakiki, Sazrin juga rajin membantu dalam penganjuran majlis-majlis rasmi Universiti seperti Majlis Konvokesyen Kedua 2006 serta turut sama membantu sebagai petugas semasa Hari Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2006/2007.



Zamani bin Salleh
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pejabat Bendahari

Zamani mula berkhidmat di UTeM sebagai Pembantu Tadbir pada 2 Januari 2002 di Unit Rekod Aset & Bekalan Pejabat, Pejabat Bendahari. Sepanjang hampir 5 tahun berkhidmat beliau mengakui tugas yang dilaksanakan sebenarnya menuntut sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab yang begitu tinggi dalam memastikan aset dan bekalan pejabat sentiasa didalam keadaan terpelihara, selamat dan mencukupi. Beliau turut bergiat aktif di dalam bidang sukan terutamanya sukan bolasepak. Minat yang begitu mendalam sejak dari bangku sekolah lagi terus berkesinambungan sehingga menjejakkan kaki di bumi UTeM dengan melibatkan diri di dalam Sukan Antara Jabatan UTeM, Sukan Intervarsity, Sukan Badan Berkanun dan Sukan Melaka. Beliau yakin dengan prinsip melaksanakan sesuatu kerana Allah S.W.T. menjadi pemangkin utama apa yang diperolehinya pada hari ini di samping sokongan dan dorongan dari

rakan sekeliling serta keluarga. Beliau juga akan mempertingkatkan ilmu pengetahuan bagi memastikan misi dan visi Pejabat Bendahari akan tercapai.

Bakri bin Abu Bakar
Akauntan Kanan
Pejabat Bendahari

Bakri berkhidmat di UTeM sebagai Akauntan, Pejabat Bendahari mulai 2 April 2001. Kini sebagai Akauntan Kanan pula, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia empat bahagian utama di Pejabat Bendahari iaitu Unit Bajet, Unit Perolehan, Unit Rekod Aset dan Unit Pentadbiran & Pengurusan Personel. Beliau juga terlibat dalam menguruskan Perpindahan PTJ, Jamuan untuk majlis rasmi dan Pembangunan Kampus Tetap (Kewangan). Di samping melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan, beliau turut terlibat sebagai penceramah Induksi (Slot Bajet), Bengkel Bajet serta Buku Vot dan kursus-kursus kewangan yang dianjurkan di peringkat Universiti. Beliau turut bergiat Badan Kebajikan Staf (BAKUTKM). Kejayaan beliau dapat melaksanakan tugas-tugas ini dengan

cemerlang adalah hasil kerjasama semua staf Pejabat Bendahari, warga Universiti umumnya dan juga keluarga yang dicintai. Motivasi untuk kerja yang beliau sentiasa tanamkan ialah *"Winner Don't Do Different Things But Do Things Differently"*



Badrul Hisham bin Jamal
Pembantu Akauntan
Pejabat Bendahari



Badrul amat bersyukur di atas anugerah yang diterima dan menganggap ia adalah ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T terhadapnya. Di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, beliau memegang prinsip jujur, amanah dan tekun. Setiap tanggungjawab yang diberikan perlu dibuat dengan sepenuh hati dan berdedikasi. Tiada yang lebih penting selain menyaksikan kejayaan Pejabat Bendahari sebagai pejabat yang cemerlang dalam memainkan peranannya mengurus kewangan Universiti. Justeru itu, beliau juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada rakan-rakan sekerja yang sentiasa bersama beliau dalam susah mahupun senang. Beliau akan terus meningkatkan mutu perkhidmatan supaya lebih cemerlang di masa akan datang. Insyallah...



Mahathir Mohd Bin Habib Mohamed
Penolong Akauntan
Pejabat Bendahari

Mahathir ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana memperolehi anugerah ini. Ia adalah hasil dari komitmen dan ketekunan yang ditunjukkan sepanjang berkhidmat di Unit Pembayaran, Pejabat Bendahari. Kejayaan ini bukanlah untuk beliau seorang tetapi adalah untuk semua staf Unit Pembayaran, Pejabat Bendahari yang mana ia akan menjadi pencetus dan galakan untuk kami berusaha dengan lebih gigih lagi dan mempertingkatkan ilmu dalam bidang kewangan supaya dapat bersama-sama menyumbang dalam mencapai Misi dan Visi Pejabat Bendahari dan seterusnya Universiti. Antara resipi yang membawa kepada kejayaan beliau ini ialah menanamkan sikap jujur, amanah, bertanggungjawab dan patuh pada setiap arahan yang diberi. Di samping prinsip ingin tahu dan ingin belajar dalam segala bidang berkaitan supaya dapat meningkatkan diri. Beliau sentiasa berazam ingin melaksanakan sesuatu kerja itu dengan sebaik-baiknya supaya dapat mencapai mutu yang tinggi. Kerja berkumpulan dan saling bantu-membantu antara rakan sekerja turut diamalkan. Beliau turut bergiat aktif dalam sukan untuk Pejabat Bendahari dan Universiti.

Shahran bin Moksen @ Mohd Hussin
Juruteknik Kanan
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

Berbekalkan pengalaman kerja hampir 24 tahun dalam sektor awam, begitu banyak cabaran yang dilalui. Justeru, sikap sabar dan tekun sentiasa beliau amalkan di dalam melaksanakan tugas yang diberi. Shahran bersama-sama staf di Unit Upacara telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan peralatan untuk majlis rasmi, program PTJ dan aktiviti pelajar di dalam kampus dan juga luar kampus yang berjumlah sebanyak 480 majlis. Sesuai dengan tanggungjawab yang digalas beliau telah dilantik sebagai Ketua Biro Teknikal dan Logistik untuk setiap majlis. Beliau telah merancang pelaksanaan kerja menggunakan sumber-sumber yang sedia ada supaya penjimatan kos dapat dicapai. Beliau yang juga aktif dalam sukan bola sepak pernah mewakili Negeri Melaka di dalam pertandingan Majlis Sukan Anggota Kakitangan Kerajaan Malaysia pada tahun 2006.



Hjh. Noraida binti Attan
Pegarah
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset



Dalam hampir tujuh tahun penubuhan, Universiti ini telah melalui pelbagai gelombang perubahan yang begitu menggalakkan dari sudut pembangunan insaniah sehinggalah ke pembangunan fizikal persekitaran. Pembangunan terus rancak berkembang dari pembangunan Rancangan Malaysia ke Lapan (tahun 2001-2005) sehingga masuk ke Rancangan Malaysia Ke Sembilan (tahun 2006-2010). Kepercayaan yang diberi untuk memikul tanggungjawab sebagai Pegarah bagi Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset UTeM telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Segala pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang ada dicurahkan sepenuhnya. Karier yang bermula sebagai tutor di sebuah universiti tempatan, profesional dan perunding sektor swasta seterusnya penjawat awam telah memberi pendedahan yang amat berharga dalam pelaksanaan kerja harian. Kesungguhan untuk menyempurnakan pembangunan Kampus Induk Universiti secara 'total' menjelang tahun 2010 adalah merupakan matlamat utama. Syukur Alhamdulillah,

tahun ini menyaksi anugerah cemerlang yang kedua bagi beliau di mana amanat yang diberi masih lagi berjalan rancak. Setulus hati penghargaan ini ingin beliau kongsi bersama dengan seluruh staf Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset kerana dengan sokongan padu, kerja-kerja yang dirancang dapat bergerak dengan lancar. Amalan kerja berpasukan di samping mengekalkan silaturahim yang erat adalah kunci kejayaan bersama.

Mohd Rayme bin Anang Masuri
Jurutera Awam
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

Di atas kejayaan beliau ini, Mohd Rayme merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri tercinta dan anak-anak yang disayangi serta beliau mengucapkan terima kasih di atas tunjuk ajar yang diberikan oleh pengurusan tertinggi Universiti, Pengarah, rakan-rakan di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset serta warga UTeM yang banyak berurusan dengan beliau. Mohd Rayme terlibat secara langsung dalam pembangunan fizikal dan penyelenggaraan di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka. Beliau telah memberikan khidmat sebagai petugas teknikal semasa upacara Universiti seperti Pesta Konvokesyen 2006 dan sebagainya. Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi, Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset. Rayme sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik untuk memenuhi kepuasan pengguna (end-users) kerana beliau percaya kualiti sesuatu perkhidmatan itu dinilai melalui kepuasan pelanggan. Beliau berpegang kepada kata-kata "*Berusahalah agar hari ini lebih baik daripada hari semalam, dan hari esok lebih baik daripada hari ini.*" Semoga usaha beliau itu akan terus diberkati oleh Allah S.W.T.



Abdul Malek bin Zainal
Pemandu Kenderaan Bermotor
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset

Abdul Malek mula berkhidmat pada 1 April 2004. Perkhidmatan yang diberikan kepada Universiti tidak terbatas kepada staf dan pelajar, beliau juga turut ditugaskan menjadi pemandu kedua kepada Naib Canselor di samping berpeluang membawa Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan juga tetamu luar UTeM. Disiplin dan rasa tanggungjawab yang menjadikan beliau kekal di UTeM biarpun beribu halangan yang ditempuhi. Beliau berasa sungguh gembira dan bersyukur kepada Allah S.W.T. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat pengurusan tertinggi Universiti yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk memikul tanggungjawab ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Pengarah, staf di Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset serta warga UTeM amnya yang telah banyak membantu sepanjang perkhidmatan beliau. Anugerah ini menjadi pemangkin kepadanya untuk bekerja lebih dedikasi pada masa-masa akan datang.



Siti Mashani binti A. Majid
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset



Siti Mashani melahirkan rasa syukur kerana telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta dan anak-anak yang dikasihi yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan. Teguran dan nasihat yang membina daripada pihak pengurusan Universiti, Pengarah, rakan sekerja di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset serta seluruh warga UTeM banyak membantu dalam memantapkan lagi prestasi kerja beliau. Beliau yang mula berkhidmat di sektor awam sejak 1993 sehingga kini, turut bergiat aktif dalam Persatuan Wanita Dan Isteri Staf UTeM (Sri Kesidang), menjadi petugas Majlis Konvokesyen serta majlis rasmi Universiti di samping aktiviti-aktiviti kemasyarakatan lain menjadi sumber inspirasi agar terus berusaha memperbaiki kelemahan diri selain kerja-kerja hakiki. Berpegang kepada prinsip kerja seikhlas hati menjadi tunggak dan nadi dalam hidup agar terus diberkati dan dirahmati Allah s.w.t. hendaknya.



Mansor bin Ali
Pekerja Rendah Awam
Pejabat Pembangunan dan Pegurusan Aset

Mansor telah menyumbangkan tenaga dan khidmat sebagai Pekerja Rendah Awam di Unit Landskap, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset. Beliau ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua staf di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset yang banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas seharian. Beliau juga ingin berkongsi anugerah ini bersama-sama keluarga tersayang yang telah banyak memberikan sokongan dan cukup memahami tugasnya yang tidak menentu masa. Beliau percaya bahawa semangat kerja berpasukan merupakan salah satu cara untuk memantapkan lagi mutu kerja. Kejayaan ini menjadi penyuntik semangat kepada beliau untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mengekalkan kecemerlangan prestasi kerjanya dari semasa ke semasa.



Siti Saluwa binti Hj. Jamal
Pustakawan
Pejabat Perpustakaan

Siti Saluwa mula berkhidmat di UTeM pada 28 Mei 2001 di Pejabat Perpustakaan. Menguruskan Unit Hadiah & Pertukaran, memberi peluang kepada beliau untuk bekerjasama dengan jabatan-jabatan lain di Universiti dalam memperkayakan koleksi perpustakaan khususnya bahan koleksi khas yang terdiri daripada bahan penerbitan Universiti, fakulti dan jabatan. Beliau turut berperanan untuk mendapatkan sumbangan bahan-bahan dari institusi luar yang terdiri daripada IPTA/IPTS, kementerian, jabatan kerajaan, institusi swasta dan NGO untuk turut sama membangunkan koleksi Perpustakaan UTeM. Sebagai Pustakawan, kepakaran beliau turut digunakan sebagai Penasihat Pengguna dan mengendalikan Kelas Kemahiran Maklumat kepada pelajar baru. Beliau turut terlibat dengan aktiviti luar seperti Majlis

Konvokesyen UTeM. Kejayaan APC ini membaratkan semangat untuk terus maju dalam mencipta kecemerlangan.

Azman bin Ayup
Pustakawan
Pejabat Perpustakaan

Sepanjang tahun 2006, Azman terlibat dalam merancang Sistem Perpustakaan Berkomputer (ILMU). ILMU ini akan berperanan sebagai sistem yang menyokong semua modul yang digunakan oleh setiap unit di Perpustakaan agar berfungsi dengan baik. Beliau juga terlibat dalam membangunkan dan mempromosi perkhidmatan Perpustakaan melalui laman web Perpustakaan. Selain menjalankan tugas-tugas hakiki, beliau turut terlibat dengan majlis rasmi Universiti seperti Majlis Konvokesyen. Beliau seorang yang aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili jabatan dalam pertandingan badminton, bola sepak dan sepak takraw di Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Sokongan dan kerjasama daripada rakan-rakan dan keluarga memberi motivasi untuk terus berjaya.



Rasida binti Abu Bakar
Pustakawan
Pejabat Perpustakaan

Rasida berasa bersyukur dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti yang telah memberi kepercayaan untuk menerima anugerah ini. Tanpa kerjasama daripada rakan-rakan seperjuangan, kejayaan pasti tidak akan diperolehi dan beliau percaya kecemerlangan tidak akan datang secara semula jadi tanpa usaha yang gigih. Beliau yang mula berkhidmat di UTeM pada 6 Disember 2001, pernah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Unit Hadiah dan Pertukaran, Unit Perolehan Buku dan kini Unit Pengindeksan. Beliau perlu memastikan setiap bahan diproses dan diindeks mudah diakses oleh pengguna Perpustakaan. Lumrah kerja seharian beliau yang senantiasa berhadapan dengan buku-buku, tidak terlepas beliau amat meminati dan suka mencari ilmu baru melalui pembacaan. Masa beliau tidak terbatas dengan kerja seharian, beliau turut melibatkan diri dengan majlis rasmi Universiti seperti Majlis Konvokesyen UTeM dan lain-lain.



Norhida binti Md Said
Pembantu Tadbir (P/O)
Pusat Komputer



Norhida ditugaskan di Bahagian Pentadbiran Pusat Komputer mulai 1 Julai 2003. Selain menjalankan tugas-tugas hakiki, beliau juga melibatkan diri dengan program-program utama Universiti seperti Majlis Konvokesyen UTeM, Kejohanan Golf Piala Canselor dan Majlis Pendaftaran Pelajar Baru setiap tahun. Beliau berpegang pada moto 'Hidup ini umpama roda, jangan gah dengan apa yang ada, dan jangan menyerah dengan kesulitan yang dihadapi'. Anugerah yang diterimanya ini bukanlah milik beliau semata-mata tetapi berkat kerja berpasukan dan bantuan rakan-rakan sekerja serta sokongan keluarga tercinta.

Norazlinda binti Ibrahim
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Pusat Komputer

Sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Norazlinda ditempatkan di Unit Maklumat Staf, Bahagian Sistem Maklumat. Tugas pertama yang diterima oleh beliau ialah membangunkan sistem untuk Modul ROC (Penyata Perubahan Pendapatan Staf (KEW. 8)). Selepas itu, beliau diberi pula amanah untuk membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu di Unit Maklumat Kewangan. Beliau juga terlibat dalam pembangunan Sistem Maklumat Pelajar untuk Universiti Malaysia Sabah. Di samping menjalankan tugas hakiki yang disandang, beliau juga aktif bersukan. Norazlinda terlibat dalam Sukan Antara Jabatan mewakili Pusat Komputer bagi acara bola jaring dan muncul sebagai naib johan, badminton (Johan) dan bola tampar (Johan). Beliau juga telah membantu pasukan bola jaring UTeM dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia sehingga ditabalkan sebagai naib johan. Selain daripada itu, beliau juga terlibat dalam aktiviti rasmi UTeM seperti menjadi urusetia pada Hari Pendaftaran Pelajar Baru UTeM, Kejohanan Golf Piala Canselor, Pilihanraya Pelajar dan Majlis Konvokesyen. Beliau juga merupakan salah seorang daripada ahli koir UTeM.



Mohd Radzif bin Abd. Hamid
Pegawai Teknologi Maklumat
Pusat Komputer

Mohd Radzif memulakan tugas di UTeM pada 19 Februari 2003 di bawah Bahagian Sistem Maklumat. Namun pada tahun 2005 beliau dipindahkan ke Unit Rangkaian, Bahagian Rangkaian dan Sokongan Sistem yang bertanggungjawab untuk memastikan rangkaian UTeM sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan stabil. Beliau kemudiannya diberi kepercayaan untuk mengetuai Bahagian Rangkaian & Sokongan Sistem yang berfungsi untuk menyediakan prasarana ICT termasuklah dari segi perkhidmatan rangkaian, keselamatan dan PC untuk kegunaan staf dan pelajar UTeM. Penyediaan infrastruktur ICT ini melibatkan Kampus Induk, Kampus Industri, Kampus Bandar UTeM serta Kolej Kediaman Pelajar. Selain daripada tugas rasminya, beliau juga melibatkan diri dengan



beberapa aktiviti luar antaranya menjadi tenaga pengajar Kelas Celik IT anjuran UTeM dan Majlis Gerakan Belia Malaysia (MGBM), menganggotai Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia BAKUTE M dan menyertai Kejohanan Seni Beladiri Malaysia di bawah pertubuhan tersebut yang berlangsung di Perak Darul Ridzuan. Beliau turut menganggotai Kelab Kompang BAKUTE M dan yang terkini dilantik sebagai Setiausaha Agung Koperasi UTeM Berhad. Sungguhpun tugas beliau amat mencabar, namun ia akan dilaksanakan dengan sempurna kerana menganggapnya sebagai satu amanah.



Hisamudin bin Kamarudin
Pegawai Teknologi Maklumat
Pusat Komputer

Hisamudin mula bertugas di UTeM pada April 2004 dan ditempatkan di Unit Web & Multimedia di bawah Bahagian Multimedia, Penyelidikan dan Pembangunan. Di sini, beliau bertindak sebagai webmaster yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyelenggaraan laman web dan portal Universiti. Bersama-sama rakan di dalam Jawatankuasa Pembentukan Laman Web Universiti yang ditubuhkan, laman web UTeM telah mencatatkan peningkatan yang membanggakan apabila berjaya berada pada kedudukan ke-24 daripada keseluruhan laman web agensi-agensi kerajaan di Malaysia bagi tahun 2006. Beliau telah diberi kepercayaan oleh Pengarah Pusat Komputer untuk menguruskan dan menyelenggara perisian-perisian berlesen yang utama bagi kegunaan staf UTeM dan sistem-sistem yang dibangunkan oleh Pusat Komputer. Beliau juga telah menjadi tenaga pengajar bagi kursus Macromedia Dreamweaver dan Macromedia Flash untuk staf UTeM. Beliau yang bergiat aktif dalam sukan telah mewakili Pusat Komputer bagi acara bola sepak, tarik tali dan badminton selain bertindak sebagai pengurus dan pemain bagi pasukan ping pong Pusat Komputer.



Hajar Suriati binti Othman
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Hajar mula berkhidmat di UTeM pada Februari 2003 dan ditempatkan di FKE. Bagi beliau, tunjuk ajar dan bimbingan daripada semua pihak banyak membantu dalam meningkatkan lagi mutu serta prestasi kerjanya. Beliau sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan sabar dalam apa jua dugaan dan kereh pelanggan dalam menjalani tugas yang diamanahkan. Di fakulti, beliau turut membantu melayani masalah pelajar dalam urusan pendaftaran mata pelajaran, tarik diri mata pelajaran, pengecualian kredit, tarik diri daripada pengajian dan pelbagai urusan yang berkaitan dengan akademik pelajar. Bagi beliau, dalam menjalani tugas seharian di pejabat haruslah sentiasa ceria dan gembira. Suasana sebeginilah sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan tekanan. Selain menjalankan tugas hakiki, beliau turut terlibat sebagai AJK Majlis Konvokesyen, AJK Pendaftaran Mata pelajaran Pelajar Baru, Urus Setia Kem Universal, AJK Seminar Kerjaya Setiap Semester, Urus Setia MPP dan AJK Bengkel OBE peringkat Fakulti.



Mohamed Azmi bin Said
Pensyarah Kanan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Mohamed Azmi merupakan Timbalan Dekan (Akademik) di FKE yang bertanggungjawab memastikan program pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Di samping menjalankan tugas hakiki beliau sebagai ahli akademik, beliau telah menyumbang secara langsung kepada pembangunan UTeM dengan menganggotai beberapa Jawatankuasa di peringkat Universiti dan Fakulti. Antara Jawatankuasa yang disertai termasuklah JK Penentuan Teknikal Tender Universiti, JK Tetap Senat Pengajaran & Pembelajaran, JK Pelaksana Kursus PTK dan JK Penasihat Akademik Universiti. Di peringkat Fakulti pula beliau mempengerusikan JK Penasihat Akademik & Mentemtee, JK Jadual Waktu dan Matapelajaran Servis, JK Projek Sarjana Muda dan JK Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). Beliau juga menjadi ahli kepada Exco Dekan, JK Pengajian Siswazah, JK Penerbitan dan beberapa lagi JK di peringkat Fakulti. Mohamed Azmi juga aktif menyelia projek pelajar di peringkat Sarjana Muda dan menjadi penyelia

bersama untuk pelajar pasca-siwazah di peringkat Sarjana. Aktiviti pelajar merupakan antara tumpuan utama beliau. Beliau dipilih menjadi penasihat kepada Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik (SAFEE). Beliau telah turut sama terlibat dalam program yang dianjurkan bersama SAFEE dengan Fakulti termasuklah Program Universal dan "Training of Trainer". Penyertaan FKE ke ROBOCON merupakan inisiatif beliau yang juga turut sama dibantu oleh beberapa staf akademik fakulti lain.

Mohamad Fuad bin Ja'afar
Penolong Pegawai Tadbir
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Mohamad Fuad memulakan tugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada Mac 2004. Dengan membekalkan pengalaman antaranya di sektor guaman dan perbankan, beliau menggunakan segala kemahiran yang ada bagi membantu menjayakan visi Universiti. Di samping tugas hakiki iaitu menguruskan hal ehwal akademik pelajar dan pentadbiran fakulti, beliau juga banyak terlibat dalam pelbagai program yang diadakan sama ada di peringkat Fakulti mahupun Universiti. Antaranya menjadi Ahli Jawatankuasa ISO FKE, Ahli Jawatankuasa Jadual Waktu Peperiksaan, Ahli Jawatankuasa program-program pembangunan pelajar seperti Universal, Ceramah Kerjaya, Urus Setia Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar, Petugas Konvokesyen dan lain-lain lagi.





Ahmad Fairuz bin Muhammad Amin
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Sebagai seorang pensyarah dan penyelia kepada pelajar-pelajar dalam menjalankan projek Sarjana Muda, Ahmad Fairuz telah diamanahkan untuk membangunkan kemudahan ICT di Fakulti untuk kegunaan pelajar dan kakitangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatan Kuasa E-Pembelajaran Fakulti dan Universiti serta terlibat dalam khidmat perundingan untuk projek KKTm, Kuantan. Beliau juga aktif dalam sukan dan telah mewakili Fakulti dalam sukan ping-pong, sepak takraw dan bola tampar. Ahmad Fairuz sangat bersyukur dan berterima kasih kepada keluarga dan rakan sekerja yang telah memberi dorongan dan kerjasama yang tidak terhingga dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.



Ahamad Fuad bin Jaapar
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Ahamad Fuad mula membina kerjaya di UTeM pada 26 Feb 2003 sebagai juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan ditugaskan di Makmal Mesin Elektrik 1 & 2. Bidang tugas harian yang beliau lakukan ialah memastikan proses amali yang dijalankan dalam makmal tersebut berjalan lancar. Di samping itu, beliau juga terlibat secara aktif dalam acara karom hingga mewakili Universiti. Beliau amat bersyukur dengan penerimaan anugerah ini dan menganggap ia suatu nilai yang tinggi buat dirinya. Beliau berazam untuk meningkatkan kualiti kerjanya ke tahap yang lebih tinggi.



Jasmadi bin Ismail
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Jasmadi mula berkhidmat di UTeM pada 21 April 2004 sebagai juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Tugas hakiki beliau ialah memastikan kelangsungan Makmal Microprosesor berjalan lancar, membantu pensyarah dan pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di makmal berkenaan. Beliau turut menyumbang sebagai ahli Jawatankuasa Pameran Fakulti. Pengalaman bertugas selama 8 tahun dengan sektor swasta diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian. Antara kualiti yang diamalkan ialah ketepatan masa, menjaga kualiti kerja dan sentiasa bersedia menerima arahan. Di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, beliau serta rakan-rakan sekerja sentiasa mengamalkan sikap ukhuwwah yang baik dan ini banyak membantu dalam mereka menghadapi cabaran dalam melaksanakan tugas-tugas seharian.



Erdalia Erna binti Daud
Penolong Pegawai Tadbir
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi



Bukan senang hendak cemerlang, tetapi ia bukan mustahil. Asalkan kita jangan putus asa, biar cuba selagi terdaya. Sekiranya jatuh, bangun kembali biarpun mesti guna seribu tongkat. Cabaran dan masalah perlu dilihat daripada aspek positif. Perjalanan beribu batu bermula dengan langkah pertama... dan setiap langkah, iringilah dengan doa kepadaNya. Dengan langkah pertama ke UTeM pada awal tahun 2002, beliau telah menanamkan azam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam perkhidmatan yang dilakukan demi beroleh keberkatan dalam rezeki yang diperolehi. Berbekalkan semangat dan keikhlasan untuk menabur bakti, beliau tidak mengenal erti kesusahan dan kepayahan dalam melakukan tugas yang diamanahkan. Itulah ERDALIA ERNA BINTI DAUD, seorang Penolong Pegawai Tadbir yang telah dididik dan diasuh oleh FTKM untuk

membantu menguruskan pentadbiran akademik di Fakulti. Biarpun berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul tanggungjawab yang digalas oleh beliau, demi memberikan kepuasan kepada pelbagai pihak. Selain daripada menjalankan tugas hakiki, beliau seringkali terlibat dalam pelbagai program khidmat masyarakat dan aktiviti-aktiviti pelajar. Meskipun adakalanya beliau merasa letih dan tertekan dengan kerja-kerja yang membebankan, namun beliau percaya bahawa setiap kesabaran itu pasti akan menuai kemanisan di kemudian hari...



Norazlin binti Mohammed
Pensyarah
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Selain daripada mengajar, menyelia dan menilai serta menjadi penasihat akademik, Norazlin juga bergiat cergas dalam menulis buku dan modul. Sehingga kini, beliau telah berjaya menghasilkan tiga buah buku iaitu *Information and Communication Technology for SPM syllabus*, *Sistem Multimedia dan Practical Approach for Web Application Development* dan dua buah modul iaitu *Multimedia System 1st edition* (semester 1 2006/2007), *Multimedia System 2nd edition* (semester 2 2006/2007), di samping menjadi penyunting modul *Web Application Development 1st edition*. Beliau juga terlibat menghasilkan modul dan menjadi pengajar untuk kursus pendek anjuran fakulti iaitu PHP and MYSQL, dan turut melibatkan diri dengan projek penyelidikan jangka pendek. Selain itu, Norazlin juga turut menyumbang bakti kepada fakulti dalam menghasilkan buku panduan akademik dan pamflet-pamflet untuk FTMK. Beliau juga melibatkan diri menjadi fasilitator untuk beberapa program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Fakulti. Menurut beliau, kejayaannya ini merupakan berkat bantuan dan sokongan daripada suami, keluarga dan rakan-rakan.

Noorazilah binti Mohamed
Penolong Pendaftar
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Noorazilah memulakan tugasnya sebagai Penolong Pendaftar di UTeM pada 2 Januari 2002. Beliau bertanggungjawab bagi urusan pentadbiran pengurusan sumber manusia, kewangan, akademik dan hal ehwal pelajar di FTMK. Di peringkat fakulti, beliau terlibat di dalam semua jawatankuasa yang melibatkan pengurusan dan akademik Fakulti. Di samping itu, beliau turut terlibat sebagai fasilitator dan urus setia bagi aktiviti khidmat masyarakat seperti contohnya e-masjid, e-sekolah, k-bakti (anak yatim) dan seminar yang dianjurkan oleh Fakulti. Selain itu, beliau terlibat dalam pengurusan pembentukan kurikulum baru bagi program Sarjana secara kerja kursus yang akan ditawarkan pada sesi Disember 2007/2008, penawaran bagi program baru Sarjana Muda (Kepintaran Buatan), pemantapan kurikulum bagi Sarjana Muda (Media Interaktif, Rangkaian Komputer, Pembangunan Persian, Pengurusan Pangkalan Data dan Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi). Beliau berharap agar anugerah ini menjadi satu aspirasi untuk beliau terus meningkatkan prestasi dan kerjaya ke satu tahap yang lebih tinggi.

Zulkiflee bin Muslim
Pensyarah
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Sejak melapor diri setelah tamat pengajian sarjana pada tahun 2005, Zulkiflee telah terlibat secara langsung dalam pentadbiran di FTMK. Beliau telah dilantik menjadi Pengurus Makmal FTMK dan kemudiannya dilantik pula sebagai Ketua Jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer (SKK) di FTMK. Selaku ketua jabatan, beliau terlibat secara langsung dalam aktiviti penambahbaikan kurikulum dan kelengkapan makmal di peringkat fakulti. Dengan bantuan rakan-rakan di FTMK, banyak perubahan baru telah dibuat. Antaranya FTMK, UTeM telah menjadi antara IPTA pertama di Malaysia yang telah berjaya menubuhkan Pearson Vue Test Center untuk menganjurkan pelbagai jenis peperiksaan persijilan profesional. Selaku pensyarah, beliau telah berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang yang diceburi. Di samping memiliki Cisco Certified Academy Instructor, beliau telah berjaya mendapat dua persijilan profesional iaitu Cisco Certified Network Associate (CCNA Certified) dan IPv6 Network Engineer Certified. Selain itu, beliau juga merupakan ahli kepada Cisco Members Academy Council di peringkat Malaysia. Selain terlibat dalam beberapa projek penyelidikan jangka pendek, beliau terlibat secara langsung dalam beberapa perundingan di dalam mahupun di luar Universiti. Antara agensi jabatan yang terlibat dalam projek beliau ialah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Komputer, UTeM.

Siti Rahayu binti Selamat
Pensyarah
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Selain tugas-tugas pengajaran dan penyeliaan, Siti Rahayu terlibat dengan beberapa aktiviti penyelidikan jangka pendek seperti "Multimodal Biometric Corporate Attendance System", "Real Time Traffic Classification for IDS" dan "The Implementation of Mobile Agent Technology in a Wireless IDS". Beliau juga telah menerbitkan buku teks dan modul amali bertajuk "Information Technology Security" di samping membentangkan kertas kerja seminar dalam bidang keselamatan komputer dan rangkaian. Siti Rahayu juga terlibat dalam khidmat perundingan dan khidmat masyarakat yang mana di antaranya ialah "Network Health Check" bagi Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengajar bagi program literasi IT. Di peringkat

Fakulti, Siti Rahayu merupakan sebahagian daripada jawatankuasa latihan industri di mana beliau bertanggungjawab menempatkan para pelajar FTMK ke industri bagi menjalankan latihan industri di samping membawa nama FTMK khususnya dan UTeM amnya ke persada industri. Beliau juga merupakan sebahagian daripada jawatankuasa kursus pendek dan profesional yang bertanggungjawab menganjurkan kursus pendek bagi menjana kewangan Fakulti khususnya dan Universiti amnya.

Norhashimah binti Mohd Saad
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer



Norhashimah mempunyai kepakaran dalam bidang Pemprosesan Isyarat Digit (*Digital Signal Processing*) dan Elektronik Perubatan (*Medical Electronics*). Berdasarkan kepakarannya, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penyelidik bagi projek / geran penyelidikan iaitu *Detection of Heart Diseases in ECG Signals by Spectral Estimation Techniques*, *Real-Time ECG Monitoring System using TMS320C67x DSP Processor* dan *Design of Time-Frequency Analysis Technique for Power Quality Monitoring*. Hasil penulisan beliau bersama Abdul Rahim Abdullah iaitu "*Real Time Digital Signal Processing: A Practical Approach Using TMS320C6713 DSP Processor*" telah diterbitkan oleh Penerbit UTeM. Selain daripada itu, beliau turut menghasilkan beberapa penerbitan penyelidikan yang telah dibentangkan dalam prosiding dan konferensi di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Beliau memenangi pingat gangsa dalam *Malaysia Technology Expo and Competition MTE 2006* di PWTC Kuala Lumpur, iaitu dalam bulan Februari 2006 melalui penyelidikan yang bertajuk "*Real Time Power Quality Monitoring System Based on TMS320VC5416 DSP Processor*". Penyelidikan beliau "*Power Quality Monitoring System Utilizing Periodogram and Spectrogram Analysis Techniques*" pula telah dipertandingkan dalam *National Instruments ASEAN Virtual Instrumentation Contest 2006*.



Mohd Shahril Izuan bin Mohd Zin
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Shahril Izuan memulakan kerjaya di UTeM pada 12 Jun 2002 sebagai Tutor sebelum diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Setelah tamat pengajian, beliau kembali berkhidmat sebagai Pensyarah pada 23 Jun 2004. Selain daripada tugas hakiki sebagai seorang pensyarah, Shahril Izuan turut menyumbangkan tenaga membangunkan dan menguruskan Fakulti melalui beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penyelarasan Projek Sarjana Muda, Jawatankuasa Kerja Penerbitan, Jawatankuasa Penyelidikan dan Biro Penerbitan, IEEE Asia-Pacific Conference on Applied Electromagnetics. Beliau turut terlibat secara langsung dalam penubuhan kursus baru Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) melalui Jawatankuasa Penubuhan Kursus Baru FKEKK. Beliau juga melibatkan diri secara aktif dalam bidang penyelidikan melalui

4 Geran Jangka Pendek iaitu sebagai ketua penyelidik dan juga penyelidik bersama. Antara pencapaian yang diperolehi beliau ialah memenangi pingat gangsa untuk penyelidikan yang menyertai 34th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products 2006, Geneva, Switzerland. Selain daripada itu, beliau turut berpeluang membentangkan kertas kerja di beberapa persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Azmi bin Awang Md Isa
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Azmi memulakan kerjaya di UTeM pada 1 Mac 2002 sebagai Tutor sebelum diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai staf akademik, Azmi juga terlibat dalam beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penubuhan Program Baru, Jawatankuasa Sementara Pengajian Diploma, Jawatankuasa Dokumentasi bagi Bengkel Penyediaan Dokumen Akreditasi dan Jawatankuasa Pemurnian Silibus. Beliau juga merupakan Ketua Makmal PSM & Fabrikasi dan bergiat aktif dalam kerja-kerja penyelidikan. Azmi turut melibatkan diri dengan tiga Geran Penyelidikan Jangka Pendek. Hasil penyelidikan beliau iaitu *GPSolat* telah mengharumkan nama UTeM dengan memenangi pingat perak di pameran antarabangsa 35th International Exhibition of Inventions, New Techniques

and Products, Geneva, Switzerland dan pameran ITEX 2007. Beliau turut membentangkan kertas kerja di Persidangan RFM2006. Beliau merupakan Timbalan Presiden Kelab FKEKK serta petugas di beberapa sesi pameran dan promosi UTeM dan mewakili fakulti dalam sukan boling, bola tampar dan badminton.



Redzuan bin Abdul Manap
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Redzuan merasakan pemilihan ini bukan meletakkan beliau sebagai yang terbaik di kalangan staf tetapi lebih kepada penghargaan di atas apa yang telah disumbangkan kepada Fakulti dan Universiti sepanjang tahun 2006. Dalam bidang pentadbiran Fakulti, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memegang beberapa jawatan seperti Ketua Makmal Elektronik Perhubungan, AJK Latihan Industri, AJK Jadual Waktu dan AJK Penerbitan Fakulti. Beliau juga terlibat secara langsung dalam beberapa perolehan peralatan makmal sepanjang tahun 2006 dan turut membantu dalam penubuhan Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Wayarles). Manakala dalam bidang penyelidikan pula, beliau telah memegang satu geran

penyelidikan jangka pendek di samping menjadi penasihat bagi persatuan pelajar Fakulti yang aktif dalam menganjurkan aktiviti akademik. Beliau turut bergiat aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili FKEKK dalam sukan bola sepak dan sepak takraw dalam Sukan Antara Jabatan.

Mohd Firdaus bin Md Rais
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Mohd Firdaus memulakan tugas sebagai juruteknik pada 30 Mac 2004 di UTeM selepas menamatkan pengajian peringkat Diploma Elektronik (Kawalan) di Politeknik Shah Alam, Selangor. Beliau pernah berkhidmat sebagai juruteknik di National Semiconductor (M) Sdn Bhd selama 3 tahun. Selain tugas-tugas penyelenggaraan dan penyediaan peralatan makmal, beliau juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan fakulti seperti sukan, derma darah dan gotong royong dengan pihak luar. Beliau merupakan AJK Biro Pelancongan Kelab Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer dan ahli jawatankuasa Pertandingan Projek Tahun Akhir (CINEX) untuk pelajar tahun akhir FKEKK. Menurut beliau, anugerah ini adalah cetusan aspirasi daripada keluarga dan rakan-rakan sekerja serta pihak fakulti yang banyak memberi semangat dan tunjuk ajar yang menjadi satu titik tolak bagi mencorakkan prestasi kerja yang lebih baik pada masa hadapan.



Tan Kim See
Pensyarah
Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Tan Kim See merasa sangat berterima kasih kepada pihak pengurusan Universiti kerana telah memilih beliau sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2006. Dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya, beliau tidak memikirkan perkara lain melainkan memberi tumpuan dan komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan tugas dengan terbaik. Sebagai Penyelarasan ISO Fakulti, beliau telah berjaya memastikan segala urusan fakulti dilakukan mengikut standard yang ditetapkan. Beliau telah berjaya membentuk CINEC di peringkat fakulti bagi mengusahakan segala hasil rekacipta fakulti untuk dipertandingkan, dipaten dan dikomersialkan. Beliau juga telah berjaya menghasilkan topi keledar SPFL yang akan diusahakan sehingga dapat dikomersialkan.



Fauzura binti Mohd Salleh
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer

Fauzura memulakan kerjaya sebagai juruteknik FKEKK pada 2 Julai 2001. Beliau amat berbangga kerana dapat bersama-sama menyumbang tenaga dalam membangunkan makmal di Fakulti berkenaan. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Biro Kebajikan & Sosial (BAKUteM) 2006/2008 dan Ketua Biro Kebajikan Kelab FKEKK di samping menjadi pengurus bola tampar wanita dan bola jaring Fakulti semasa Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Beliau juga aktif dalam sukan dan mewakili Universiti serta Fakulti dalam acara ping pong dan bola tampar. Apa saja kejayaan yang beliau perolehi merupakan hasil dorongan dan tunjuk ajar dari semua rakan-rakan. Pengiktirafan ini sangat besar ertinya kepada beliau dan akan membuatkan beliau lebih komited dalam menjalankan tugas di masa akan datang. Akhir kata, beliau berterima kasih kepada semua warga UTeM yang telah banyak membantu beliau dalam segala tugas di UTeM.



Nur Syahida binti Yahya
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

Nur Syahida bertanggungjawab menyelenggara dan menyediakan peralatan yang diperlukan di Makmal Mikropemproses, FKEKK agar sesi pengajaran dan pembelajaran tercapai dan berjalan lancar. Beliau juga telah terlibat secara langsung dalam menyediakan dokumen-dokumen Akreditasi dan ISO di Fakulti tersebut. Beliau bukan sahaja seorang staf yang berdedikasi dalam memastikan segala tugas dilaksanakan dengan sempurna, malah beliau juga telah terlibat secara aktif dalam aktiviti di peringkat Fakulti. Beliau mewakili pasukan FKEKK dalam sukan bola tampar, bola jaring dan badminton. Beliau telah diberi kepercayaan memegang jawatan Naib Bendahari dalam Kelab FKEKK serta membantu sebagai AJK Seminar, AJK Penerbitan, dan AJK Kemasyarakatan. Antara penglibatan beliau di peringkat Universiti ialah sebagai salah seorang pemain gamelan UTeM.

Marhamah binti Ahmad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



Pada tahun 2006, Marhamah telah bertugas Jabatan Pembangunan Sahsiah, Pejabat Pendaftar iaitu jabatan yang dianggotainya sejak November 2004. Beliau bertanggungjawab membantu menguruskan penglibatan staf dalam program-program yang berkaitan sukan dan rekreasi, keagamaan, kebajikan serta kebudayaan, sama ada anjuran UTeM atau anjuran agensi luar. Beliau sering kali dilantik sebagai Urus Setia yang terlibat secara langsung dalam membantu menguruskan penyertaan staf ke Kejohanan Sukan yang disertai oleh UTeM. seperti Kejohanan Sukan Antara Universiti Malaysia, Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia dan Kejohanan Sukan Melaka. Beliau turut membantu dalam penganjuran majlis-majlis rasmi universiti seperti Perhimpunan Bulanan Bersama Naib Canselor,

Sambutan Hari Kebesaran Islam, Sambutan Bulan Kemerdekaan dan lain-lain lagi. Beliau juga tidak lokek menyumbangkan keringat kepada Unit-unit lain di Pejabat Pendaftar apabila turut dilantik sebagai urus setia bagi Kursus Induksi dan kursus-kursus lain juga. Marhamah aktif mewakili Pejabat Pendaftar dalam sukan bola jaring, bola tampar, ping pong dan karom pada Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Beliau pernah mewakili Universiti dalam acara Bola Tampar (W) di Kejohanan Sukan Antara Universiti Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Teknik & Pembangunan Sukan Bola Sepak BAKUTE M. Semasa di Pejabat Pendaftar, beliau pernah dilantik menjadi Bendahari dan Ahli Jawatankuasa Dekorasi dan Keceriaan Kelab Staf Pejabat Pendaftar. Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan koir UTeM.

Muhamad Arfauz bin A Rahman
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



Sebagai pensyarah di FKP, Arfauz telah menjalankan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran Fakulti selaku Penyelarasa Mata Pelajaran, Penyelarasa Makmal dan juga telah menyelia projek Sarjana Muda (PSM) bagi pelajar tahun akhir. Beliau turut menyumbangkan idea dan pengalamannya melalui keanggotaan dalam Jawatankuasa Kebajikan, Jawatankuasa Latihan Industri dan Jawatankuasa DECON 2006 yang ditubuhkan di peringkat Fakulti. Menyentuh tentang aktiviti penyelidikan, Arfauz telah menjadi Ketua Penyelidik bagi penyelidikan yang bertajuk *Design and Development of 6-axis Robotic Arm Slider* manakala bagi projek bertajuk *Design and Development of XY Table for Laser welding System*, beliau telah menjadi penyelidik bagi projek berkenaan. Berdasarkan kepakaran dan pengalaman, beliau telah dilantik sebagai Penyelarasa dan Pengurus pasukan bagi ROBOCON FKP 2006 di peringkat kebangsaan. Beliau turut menyumbang kepada pembangunan manusia sejagat melalui penglibatannya sebagai sukarelawan dalam MERCY Malaysia dan Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Darul Izzah, Bangi.

Muhamad Asari Bin Abdul Rahim
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Muhamad Asari memulakan tugas sebagai juruteknik di UTeM pada 22 Mac 2004 dan ditempatkan di Makmal Kimpalan dan Makmal Mekanik Asas FKP Beliau bertanggungjawab menyelenggara serta menyediakan peralatan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan di makmal tersebut. Beliau juga membantu dalam Projek Sarjana Muda (PSM) terutamanya bagi menjalankan mesin *convensional welding*. Asari mewakili FKP dalam acara sepak takraw, bola tampar dan bola sepak semasa Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Beliau juga mewakili UTeM dalam acara olahraga di sukan Intervarsity. Beliau turut terlibat dalam pertandingan ROBOCON 2006 di peringkat Universiti. Di samping itu, beliau menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu sebagai Askar Wataniah. Beliau ingin berkongsi anugerah ini bersama keluarga dan warga FKP. Dorongan dan cabaran daripada mereka menjadi pemangkin untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.



Shajahan bin Maidin
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Shajahan memulakan perkhidmatan di KUTKM pada tahun 2003 di FKP. Selain daripada menjalankan tugas hakiki sebagai seorang Pensyarah, beliau merupakan Ketua Jabatan Reka Bentuk Pembuatan, FKP. Beliau juga ditugaskan sebagai Penyelaras Latihan Industri di fakulti, Penyelia Projek Diploma, Timbalan Pengerusi II National Conference on Design & Concurrent Engineering 2006 dan merupakan salah seorang Ahli Jawatan Kuasa Projek Tahun Akhir pelajar. Menyelaraskan "SolidWorks Design Competition", Pertandingan Rekabentuk Anjuran SME, Pembangunan Kolej Kemahiran Tinggi Mara (Kuantan) dan Program Penyeliaan Pensyarah banyak memberi

pengalaman yang berharga buat Shajahan. Pengalaman sebeginilah yang memantapkan beliau dan memacu untuk terus berjaya. Tidak terkecuali, beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili Fakulti dalam sukan hoki dan bola tampar. Sekalung penghargaan beliau tujukan kepada Dekan dan seluruh warga FKP dengan segala sokongan dan dorongan yang diberikan dari dulu hingga kini.



Hassan bin Attan
Jurutera Pengajar
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Tanggal 1 Ogos 2001, Hassan memulakan perkhidmatannya di KUTKM sebagai Jurutera Pengajar di FKP. Beliau merupakan staf akademik yang sentiasa aktif dan menganggotai beberapa jawatan kuasa antaranya Jawatan Kuasa Pengurusan Fakulti, Setiausaha Jawatan Kuasa Pembangunan Kampus, Ahli Jawatan Kuasa Perolehan dan Ahli Jawatan Kuasa Perundingan dan Penyelidikan. Selain daripada itu, beliau juga turut melibatkan diri dalam beberapa penyelidikan di fakulti. Beliau juga merupakan Pengurus Makmal. Hassan ingin merakam jutaan terima kasih kepada seluruh warga UTeM yang senantiasa memberi kerjasama dan berusaha dalam mencapai kecemerlangan Universiti diperingkat negeri Melaka, Malaysia dan Antarabangsa.



Zuraida binti Abdul Hadi
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Zuraida memulakan tugas sebagai juruteknik pada 24 Februari 2003 di UTeM dan ditempatkan di makmal Kejuruteraan Industri, FKP. Tanggungjawab beliau ialah menyelenggara serta menyediakan peralatan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan di makmal tersebut. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Projek Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Beliau ingin berkongsi anugerah ini bersama keluarga dan warga FKP. Dorongan dan sokongan dari mereka telah menjadi pemangkin untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.



Azhar Shah bin Abu Hassan
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Azhar Shah memulakan tugas sebagai juruteknik di UTeM pada 5 Mac 2003 dan ditempatkan di Makmal Bahan Kejuruteraan FKP. Beliau bertanggungjawab menyelenggara serta menyediakan peralatan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan di makmal serta membantu dalam Projek Sarjana Muda (PSM) terutamanya bagi menjalankan mesin Scanning Electron Microscope (SEM). Dalam bidang sukan pula, Azhar Syah telah mewakili FKP dalam acara sepak takraw, bola tampar dan bola sepak. Beliau mewakili Universiti dalam acara sepak takraw di Sukan Antara Universiti dan juga sukan peringkat Melaka. Beliau merupakan salah seorang penerima Anugerah Kecemerlangan Khas Sukan ketika ia disampaikan kepada pasukan sepak takraw pada tahun lepas.



Mohd Nazri bin Abd Mokte
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan


Memulakan tugas sebagai juruteknik pada 01 Februari 2002 di UTeM, Mohd Nazri ditempatkan di Makmal Kuasa Bendalir dan Makmal Simulasi FKP. Beliau bertanggungjawab menyelenggara serta menyediakan peralatan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan di makmal berkenaan. Beliau juga turut membantu dalam Projek Sarjana Muda (PSM) terutamanya bagi menjalankan mesin laser cutting. Beliau mewakili FKP dalam acara sepak takraw dan badminton semasa Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Beliau ingin berkongsi anugerah ini bersama keluarga dan warga FKP kerana dorongan dan cabaran dari merekalah yang menjadi pemangkin kepada beliau untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.

Mohd Rizal bin Alkahari
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Mohd Rizal menyertai UTeM pada tahun 2003 sebagai Pensyarah di FKM. Selain daripada tugas-tugas pengajaran, beliau juga terlibat sebagai Juruaudit Dalaman UTeM, Penasihat Persatuan Pelajar Mekanikal (FAMESA), Jawatankuasa ISO 9001:2001 dan Jawatankuasa Dokumentasi Akreditasi BMCD. Beliau juga terlibat dalam penganjuran aktiviti antaranya Hari Rekabentuk dan Automotif 2006, Program Pembimbing Rakan Sebaya, Kursus Asas Teknologi CNC dan CAD/CAM, Kursus Solidworks dan fasilitator kursus motivasi. Di dalam bidang penerbitan pula, pada tahun 2006 beliau terlibat dalam penyediaan dua kertas kerja antarabangsa dan satu di peringkat kebangsaan. Salah satu kertas kerjanya yang berkait rapat dengan tesis sarjana beliau telah diterbitkan oleh Society of Automotive Engineers (SAE International). Manakala di bidang penyelidikan, beliau mengetuai satu projek kerjasama penyelidikan di antara universiti-industri dan menjadi penyelidik bersama untuk dua projek penyelidikan yang lain.



Khairul Nadiah binti Hj. Md. Di
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), Nadiah telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan urusan pentadbiran berjalan lancar terutamanya maklumat yang diterima daripada ketuanya dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Di samping menjalankan tugas hakiki, beliau juga terlibat dalam Kelab Kebajikan Sukan Dan Rekreasi (KESURI) FKM apabila beliau dilantik sebagai Ketua Biro Hal Ehwal Wanita. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil Tetap Pelaksana untuk program Persatuan Wanita dan Isteri Staf UTeM dan Petugas Majlis Konvokesyen Kedua KUTKM. Beliau amat bersyukur di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diberikan dan beliau berharap anugerah ini menjadi inspirasi untuk beliau terus berkhidmat dengan lebih cemerlang. Ianya tidak akan dicapai tanpa kerjasama dan sokongan dari keluarga, rakan-rakan sekerja di FKM. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sekerja yang banyak memberi dorongan dan bantuan dalam mencorakkan prestasi kerja selama ini.

Rashdan bin Seman
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Memulakan tugas di UTeM semenjak September 2001, Rashdan banyak membantu dalam pembangunan makmal FKM. Makmal-makmal yang terlibat ialah Makmal Teknik Ujikaji, Makmal Mekanik Struktur & Makmal Sains & Teknologi Bahan. Beliau amat bersyukur kerana menjadi perintis pertama dapat merasai pembangunan di UTeM terutamanya pada awal pembangunan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sehingga hari ini. Selain menjalankan tugas hakiki, beliau juga terlibat di dalam penyediaan dokumen seperti Fail Meja Juruteknik, penyelenggaraan peralatan makmal, penyediaan specimen dan membantu pelajar tahun akhir menjalankan projek sarjana muda serta membantu Pensyarah di dalam pembelajaran di makmal selain persiapan sebelum lawatan dari Majlis Akreditasi Kejuruteraan bagi program yang ditawarkan di Fakulti. Kecerdasan adalah penting untuk melahirkan pekerja yang cemerlang di mana penglibatan beliau pada sukan tidak dapat dinafikan lagi. Beliau pernah mewakili Fakulti dalam acara bola sepak, sepak takraw, ping-pong dan mewakili UTeM di dalam acara Olahraga.



Faiz Redza bin Ramli
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Faiz Redza mula menyertai UTeM sejak tahun 2003 sebagai Tutor. Pengalaman sebagai Jurutera Rekabentuk di industri banyak digunakan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang Rekabentuk Produk di Universiti of Liverpool, UK. Sepanjang tahun 2006, beliau telah diamanahkan untuk mengajar dua subjek rekabentuk bagi Tahun 4. Beliau turut terlibat dalam beberapa aktiviti peringkat Fakulti antaranya Jawatankuasa Akreditasi FKM, Juri Hari Rekabentuk dan Automotif 2006, Pengajar Kursus Solidworks, Kursus Asas Teknologi CNC

dan CAD/CAM serta beberapa jawatankuasa yang lain. Dalam bidang penyelidikan pula, beliau terlibat dalam dua penyelidikan dan hasil kajian pada peringkat kebangsaan. Beliau juga merupakan Ketua Biro Sukan bagi Kelab Kebajikan Sukan Dan Rekreasi (KESURI) FKM. Beliau juga pernah mewakili FKM untuk pertandingan bola sepak dan tenis.

Muhamad Muzaini bin Sahary
Pembantu Teknik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Sepanjang perkhidmatannya sejak 23 April 2003, Muhamad Muzaini telah ditugaskan untuk menyelia seramai 19 orang juruteknik dan membantu membangunkan 36 makmal. Beliau juga terlibat dalam menguruskan pembelian keperluan makmal bagi kegunaan pembelajaran dan projek sarjana muda untuk pelajar tahun akhir. Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan makmal termasuklah dalam urusan penyelenggaraan peralatan, semakan inventori, membaiki kerosakan peralatan, menyediakan peraturan makmal dan borang-borang makmal bagi kemudahan staf, pelajar dan pihak luar berurusan di makmal. Penglibatannya dalam persediaan menerima lawatan dari Majlis Akreditasi Kejuruteraan bagi mengiktiraf kursus Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal tidak dinafikan terutamanya dalam urusan kerja-kerja di makmal. Beliau juga sering diberi kepercayaan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat di mana beliau sering bertindak sebagai wakil fakulti untuk mengiringi pelawat dari luar untuk melawat makmal-makmal FKM. Dalam aktiviti lain, Muhamad Muzaini telah diberi tugas untuk mewakili fakulti di bawah Biro Sosial dan Kebajikan, Badan Kebajikan Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (BAKUteM) dan sebagai Ketua Biro Kebajikan untuk Kelab Sukan dan Rekreasi (KESURI) di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. "Kerja Itu Ibadah" adalah kunci untuk beliau sentiasa melakukan kerja dengan lebih amanah dan penuh dedikasi.



Ikhmal Hisham bin Ibrahim @ Ibarahim
Juruteknik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Ikhmal Hisham mula berkhidmat di UTeM pada 24 Mac 2004 sebagai Juruteknik dengan berbekalkan pengalaman berkhidmat di sektor industri selama 3 tahun. Pengalaman bekerja di sektor industri sedikit sebanyak dapat membantu beliau terutamanya dalam penyelenggaraan peralatan dan penambahbaikan makmal. Selain menjalankan tugas hakiki, beliau juga terlibat di dalam penyelenggaraan peralatan makmal, penyediaan specimen, membantu pelajar tahun akhir menjalankan projek sarjana muda, membantu Pensyarah dalam pembelajaran di makmal dan persiapan lawatan Majlis Akreditasi Kejuruteraan bagi program yang ditawarkan di Fakulti. Beliau juga aktif dalam bidang sukan dan pernah mewakili Fakulti dalam acara bola sepak, sepak takraw, ping pong, bola tampar dan mewakili UTeM dalam acara bola sepak. Anugerah ini akan menjadi pendorong kepada beliau untuk bekerja dengan lebih rajin, dedikasi dan kompeten di masa akan datang.



Wan Mohd Zailimi bin Wan Abdullah @ Zakaria
Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Bagi Wan Mohd Zailimi tugas sebagai Ketua Jabatan dan juga Pensyarah, bukan sahaja tertumpu dengan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan malah terlibat dengan pentadbiran Fakulti. Ini termasuklah merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti Jabatan dan Fakulti dalam merealisasikan objektif dan misi Fakulti. Beliau turut menjadi tulang belakang dalam pembangunan makmal-makmal kejuruteraan di bawah Jabatan Automotif termasuklah Makmal Ujian Prestasi Enjin, Makmal Rekabentuk Automotif, Makmal Kebisingan & Getaran Kenderaan dan Wokshop Baikpulih Kenderaan. Tugas ini melibatkan kerja-kerja perolehan peralatan dan juga penyediaan susun atur makmal. Beliau dan ahli jabatan yang lain juga bertanggungjawab menyediakan dokumen permohonan akreditasi bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif). Beliau turut terlibat dalam merangka dan merancang kemajuan jabatan terutama dalam pembangunan kurikulum & silibus bagi memastikan kursus yang ditawarkan adalah berkualiti dan relevan dengan keadaan semasa. Di samping tugas hakiki yang diamanahkan, beliau juga terlibat dengan aktiviti Universiti iaitu sebagai Ahli Jawatankuasa Tetap Senat E-Pembelajaran. Beliau juga terlibat dengan khidmat runding dengan pihak luar iaitu MARA dalam penyediaan susun atur dan perolehan peralatan bagi KKTm.



Safiah binti Sidek
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Safiah mula bertugas di PBPI (dulu dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Akademik) pada tahun 2004. Beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Komunikasi pada 2006. Beliau cuba mengaplikasikan pendekatan terkini melalui penggunaan *MyTechComLab* dalam pengajaran dan pembelajaran dan berusaha membangunkan beberapa makmal *Technical Communication* di PBPI. Dalam aspek penyelidikan dan penulisan, beliau terlibat dalam menerbitkan artikel dalam buku, dua modul pengajaran dan pembelajaran *Technical Communication* dan penyelidikan geran jangka pendek UTeM. Selain itu, kepakaran beliau turut digunakan sebagai Penceramah bagi kursus-kursus Bahasa Inggeris anjuran PBPI dan Pejabat Pendaftar.

Zanariah binti Jano
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Zanariah merupakan seorang pensyarah yang menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran berpusat kepada pelajar. Selain bidang pengajaran dan pembelajaran, beliau juga menyumbang pada pembangunan penyelidikan untuk kemajuan Universiti dan Negara. Setakat ini beliau telah mendapat beberapa peruntukan untuk penyelidikan jangka pendek Universiti. Di samping itu beliau aktif membentangkan kertas kerja di persidangan bertaraf nasional dan antarabangsa. Hasil pembentangan beliau telah dihasilkan dalam bentuk prosiding oleh beberapa IPTA. Beliau juga telah menghasilkan modul untuk subjek 'Technical Communication' peringkat diploma dan ijazah. Beliau juga terlibat dengan tugas penyeliaan Projek Sarjana Muda untuk pelajar FTMK. Beliau menganggotai Jawatankuasa peringkat pusat dan Universiti seperti Felo, Jawatankuasa Kerja Penubuhan Pusat Bahasa & Pembangunan Insan UTeM, Jawatankuasa Penyelaras Sukan UTeM (bola jaring), AJK Unit Multimedia PBPI, AJK Badan Kebajikan PBPI, AJK Biro Penyelidikan PBPI, AJK Seminar Sains dan Aplikasi Industri UTeM. Di bidang kebajikan staf, beliau merupakan Pengerusi Biro Keusahawanan Sri Kesidang (Persatuan Wanita dan Isteri Staf UTeM).



Zulkarnain bin Baharom
Pembantu Am Pejabat
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan



Zulkarnain telah berkhidmat sebagai Pembantu Am Pejabat di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (dahulunya dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Akademik) semenjak tahun 2001. Pengalaman kerja sebelum ini banyak membantunya dalam melaksanakan tugas-tugas pejabat. Namun, kerjasama dan kepercayaan yang diberikan oleh Dekan serta rakan-rakan sepejabat banyak memainkan peranan. Tugas sebagai Pembantu Am Pejabat memerlukan disiplin, kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi. Ia juga merupakan nadi utama dalam kelancaran perjalanan urusan pejabat. Beliau turut melibatkan diri dalam program-program rasmi anjuran Universiti dan juga dalam aktiviti sukan di mana beliau tidak melepaskan peluang untuk menyertai Kejohanan Sukan Antara Jabatan UTeM dan juga Kejohanan Sukan Staf Intervarsity. Semoga dengan anugerah ini, beliau akan lebih berinspirasi untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada untuk menjadi lebih berhemah dan cemerlang.



Zawiah Haji Mat
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Di samping menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, Zawiah juga terlibat secara langsung dalam menjayakan beberapa program aktiviti pelajar bersama masyarakat. Beliau juga diberi tanggungjawab dalam menyelaraskan mata pelajaran Hubungan Etnik pada peringkat awal di PBPI dan terlibat sebagai AJK Biro Hal Ehwal Wanita BAKUTeM, AJK bagi beberapa program yang dianjurkan di peringkat jabatan dan Universiti. Dalam bidang sukan, beliau turut mewakili PBPI dalam sukan bola jaring dan bola tampar. Selain daripada itu, beliau juga terlibat dalam membentangkan beberapa kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya di *International Seminar on Muslim Women* di UTM, Skudai dan *Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu* di NPC, Pulau Pinang. Beliau juga terlibat dalam beberapa projek penyelidikan perundangan dan jangka pendek Universiti yang memfokuskan dalam bidang sains sosial. Antaranya *Kajian Keberkesanan Program Rukun Tetangga dalam Memupuk Perpaduan dan Integrasi Nasional* dan *Development of Employee Assistancess Program for Industrial Work Place*.



Norliah binti Kudus
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan selain mengajar, Norliah pernah terlibat sebagai AJK Induk Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Komuniti, Penceramah Motivasi Minggu Haluan Siswa, Moderator Forum Ekonomi Wanita Dalam Pembangunan Wanita DMDI. Di samping menganjurkan aktiviti seperti Bengkel Pelaksanaan Kemahiran Insaniah di IPT, Bengkel Penulisan Ilmiah. Norliah turut aktif dalam penulisan, penyelidikan dan perundangan. Buku yang telah diterbitkan bersama rakan yang lain ialah *Pengantar Falsafah, Sains dan Teknologi, Pembangunan Sosio-ekonomi Malaysia, Peranan Sains dan Teknologi Dalam Pembinaan Tamadun*. Selain itu, beliau juga merupakan AJK Tertinggi Biro Wanita BAKUTeM, AJK Biro Wanita Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Beliau juga merupakan penulis buku tokoh-tokoh pemimpin negeri Melaka anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat Melaka (MUBARAK). Di samping itu, beliau juga menjadi kolumnis tetap dalam menyumbang artikel dan rencana kampus di akhbar Melaka Hari Ini.



Nik Rahila binti Dato' Wan Ibrahim
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Sebagai Pensyarah, Nik Rahila terlibat dalam aktiviti penyelidikan jangka pendek iaitu antaranya *An Investigation on the Relationship between Organisational Culture and Knowledge Management in an Institution of Higher Learning, The Relationship Between the Profile According to The Country of Origin, The Choice of Institution and the Modes of Study Among International Graduate Student dan Public Awareness and the Impact of Science & Technology in Melaka*. Beliau juga telah menulis beberapa artikel iaitu IM: TO BE OR NOT TO BE untuk pembentangan dalam National Seminar on Science, Technology & Social Sciences dan Comparative study between ESL Chinese learners from Malaysia and The People's Republic of China in their pronunciation of /r/ untuk pembentangan dalam Second International Language Learning Conference 2006. Beliau juga merupakan pengarah projek dan penceramah untuk program English in Bits and Pieces dan IELTS Academic Training yang mana keduanya untuk staf UTeM. Beliau juga telah dijemput sebagai salah seorang ahli Panel Temu Duga untuk Program Kerjasama Institut Pengajian Tinggi dengan Infosys Technologies – Campus Connect, menjadi editor & pembaca pruf untuk tesis di peringkat Master & PhD. Suara merdunya tidak asing lagi di Universiti ini kerana beliau juga sering dijemput menjadi pengacara pada majlis-majlis rasmi Universiti antaranya Majlis Konvokesyen.

Siti Rohana binti Omar
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan



Kerjaya sebagai pensyarah memberi peluang kepada Siti Rohana untuk memberi khidmat bakti kepada anak bangsa Malaysia tercinta. Sebagai pensyarah, beliau aktif dalam aktiviti ilmiah dan setakat ini telah mendapat peruntukan mengetuai projek penyelidikan geran jangka pendek, pembentangan kertas kerja dalam seminar dan persidangan peringkat nasional. Hasil pembentangan ini diterbitkan dalam bentuk prosiding dan buku. Beliau juga telah menghasilkan tiga siri modul pengajaran untuk Subjek Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia. Beliau bergiat aktif dalam jawatankuasa peringkat pusat dan universiti seperti Pengarah Majlis Iftar bersama Anak Yatim anjuran JKPI, PPA–Sri Kesidang, AJK bagi Bengkel Penulisan Ilmiah siri 2, Bengkel Problem Based-Learning, Jawatankuasa Penilaian Soalan Peperiksaan Akhir, Pengerusi Biro Agama dan Sahsiah Sri Kesidang, Timbalan Pengarah Program Semarak Ramadhan Di Ambang Syawal 2 dan ahli Persatuan Sejarah Melaka. Beliau juga mewakili PPA dalam sukan ping pong di peringkat UTeM. Beliau berpegang kepada kata-kata “Sekali gagal jangan kita bosan, bangkit dan mara terus ke depan, pasti nanti tercapai impian, jika usaha kita berterusan”.

Sazelin binti Arif
Pensyarah
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Sebagai pensyarah, tugas mendidik dan pada masa yang sama perlu melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai jawatankuasa di PBPI, amat memerlukan pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan. Sungguhpun begitu, Sazelin telah mampu menghasilkan sebuah buku bertajuk 'TITAS' terbitan McGraw Hill serta menyumbangkan beberapa bab dalam buku 'Mengurus Stres' terbitan PTS Professional Publishing. Beliau turut menyelaraskan manuskrip TITAS ke buku serta telah membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan sepanjang tahun 2006. Beliau juga mengetahui satu kajian jangka pendek '*Development of Opportunity Towards Commercialization of Intellectual Property Among Halal Food Manufacturers in Melaka*' dan menjadi Pengarah bagi Bengkel Penulisan Manuskrip JKPI bagi tahun 2006. Beliau juga terlibat secara aktif dalam membantu pentadbiran PBPI antaranya sebagai penyelarasan subjek, AJK ISO Pengajaran dan Pembelajaran, AJK Jadual Waktu dan Bendahari program anjuran jabatan. Beliau yang sekarang ini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya memanjatkan rasa syukur kepada Allah atas rezeki dikurniakan anugerah ini.



Prof. Madya Jasmin binti Baba
Pemangku Dekan
Pusat Universiti Industri

Jasmin mengucapkan ribuan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNYA beliau dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk kali yang kedua. Beliau merasakan anugerah kali ini, adalah hasil daripada kerjasama dan sokongan padu daripada warga UNIC dalam merealisasikan segala strategi dan perancangan pusat. Beliau yang dipinjamkan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, telah memberikan khidmat sebagai Pemangku Dekan UNIC pada 16 Oktober 2006. Beliau berazam untuk terus menyumbang bakti dengan melaksanakan kerja yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas.



Norasmara binti Mahmud
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Bagi Norasmara, anugerah ini amat bermakna dalam hidup beliau dan ia menjadi penyuntik semangat dalam usaha beliau mempertingkatkan kecemerlangan prestasi kerjayanya. Mula berkhidmat pada 15 Julai 2001 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sebelum bercuti tanpa gaji selama setahun setengah dan kembali berkhidmat di Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan bermula Ogos 2005 hingga kini. Sebagai Pembantu Khas kepada Dekan, Norasmara harus memastikan kerja yang dihasilkan adalah berkualiti dan menepati kehendak ketua. Di samping itu, ilmu pengetahuan juga amat penting dengan peka terhadap isu-isu semasa selain daripada sentiasa berfikiran positif, bijak merancang dan berfikiran jauh. Perhubungan yang baik sesama rakan sepejabat membantu dalam menaikkan prestasi kerja dan menyelesaikan segala urusan pejabat. Selain daripada itu, Norasmara turut terlibat secara langsung dan tidak

langsung dalam menjayakan program dan majlis rasmi anjuran jabatan dan juga universiti. Norasmara ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf IPTK khususnya kepada Dekan kerana telah banyak memberikan kerjasama, tunjuk ajar serta teguran yang membina sehingga beliau mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Edna binti Buyong
Pensyarah Kanan
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Sebagai Ketua Jabatan Pembangunan Usahawan, Edna bergiat aktif dalam program-program pembangunan usahawan sama ada dalam atau luar komuniti UTeM. Sebagai pensyarah, beliau bertanggungjawab membimbing pelajar dalam subjek keusahawanan yang memberi penekanan kepada "practicing entrepreneurship". Sebagai koordinator peringkat Universiti, beliau membawa 1 Rancangan Perniagaan & 1 Idea Perniagaan yang disediakan pelajar UTeM ke peringkat akhir pertandingan MSC-IHL Competition 2006 anjuran Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC). Sebagai AJK Teknikal Program Peningkatan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) Melaka, beliau juga terlibat secara langsung dalam proses pemilihan dengan membuat lawatan tapak, menilai kertas kerja dan pemantauan usahawan-usahawan yang menerima geran pembangunan dari SMIDEC. Bagi membantu usahawan-usahawan mempromosi produk mereka, beliau ditugaskan untuk membawa mereka menyertai SDSI, MAHA, DMDI, pesta Konvokesyen UTeM, ekspo peringkat negeri dan kebangsaan. Beliau turut memberi khidmat nasihat secara berterusan kepada usahawan-usahawan dalam pelbagai bidang seperti pemasaran, pengurusan kewangan dan sumber manusia. Dalam tahun 2006, beliau telah menjalankan beberapa kursus jangka pendek mengenai keusahawanan seperti Pembentukan Rancangan Perniagaan, Bengkel Kompetensi Keusahawanan, Inovasi dan Pembentukan Produk.





Azmer bin Che Mohd Salleh
Pembantu Tadbir (P/O)
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Bekerja di sebuah pejabat yang mana mempunyai bilangan staf yang terhad menuntun Azmer untuk menjadi seorang staf yang serba boleh atau multi tasking. Beliau tidak berkira dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya asalkan tugas tersebut dapat disempurnakannya dengan baik. Beliau sering dilantik menjadi Urus Setia kepada pelbagai kursus terutama yang dianjurkan oleh Pejabat beliau. Antaranya ialah menjadi Urus Setia kepada Kursus Pembelajaran Dewasa, Kursus Penasihat Akademik Pelajar Bagi Program Kejuruteraan, Kursus P & P Bagi Pengalaman Tahun Pertama dan Kursus Pembinaan Soalan Berdasarkan Taksonomi Bloom. Beliau turut menjadi urus setia Bengkel Tot – Modul Program Based Learning (PBL), Bengkel Tot – Modul Penguasaan Dan Penilaian Kemahiran Generik, Kursus Metodologi P&P, Kursus Pendedahan Pembangunan Kemahiran Insaniah dan Bengkel TOT - Modul OBE serta Kursus Penulisan Artikel dan Jurnal.

Abu Zar Bin Yashim
Pembantu Am Pejabat
Pusat Pengajian Siswazah



Detik permulaan karier Abu Zar di Universiti ini sebagai Pembantu Am Pejabat bermula pada 19 Mac 2004 di Jabatan Ko-Kurikulum sebelum ditempatkan Pusat Pengajian Siswazah pada 1 November 2004. Beliau sentiasa berusaha menjalankan setiap tugas yang diamanahkan dengan penuh ikhlas. Setiap cabaran dan rintangan yang dihadapi, beliau tempuhi dengan penuh sabar. Beliau merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan rakan-rakan sekerja yang banyak membantu serta memberi tunjuk ajar kepada beliau dalam melaksanakan tugas harian serta menyokongnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Beliau bersyukur dengan penganugerahan ini dan amat berterima kasih kepada pihak Universiti yang menghargai ketulusan khidmat baktinya selama ini. Sedikit sebanyak ia telah menyuntik semangat baru kepada beliau untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan tekun dalam membantu merealisasikan visi, misi PPS serta UTeM.



Rahim bin Sulaiman
Pembantu Am Pejabat
Penerbit Universiti

Sesungguhnya pengiktirafan ini sangat besar ertinya kepada Rahim kerana ia merupakan satu lonjakan semangat untuk beliau mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi khususnya di Penerbit Universiti dan dalam UTeM amnya. Beliau percaya bahawa kejayaan tidak datang bergolek tanpa usaha yang gigih. Baginya, pandangan dan dorongan daripada pihak pengurusan Universiti dan rakan-rakan sekerja adalah amat penting selain daripada isteri dan anak-anak dalam kecemerlangan menjalankan tugas. Beliau sering berhadapan dengan kerenah staf dari jabatan lain kerana semua tugas yang diserahkan di Penerbit, perlu disiapkan dan dihantar dengan segera. Ini melatih beliau sentiasa mendisplinkan diri serta berusaha memenuhi setiap tugas yang diarah dengan penuh tanggungjawab. Beliau turut terlibat dalam pelbagai aktiviti UTeM seperti menjadi Urus Setia Minggu Haluan Siswa, Minggu Pameran Penyelidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Majlis Konvokesyen UTeM.



Marsitah binti Abu Bakar
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi

Marsitah bersyukur ke hadrat Allah swt. dengan pengiktirafan yang diterima sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2006. Beliau amat berterima kasih kepada Pengarah dan staf PJKA yang sama-sama membantu dalam merealisasikan kejayaan ini. Semangat, ketekunan dan cabaran di dalam menjalankan tugas adalah inspirasi dan kekuatan bagi beliau untuk terus berkhidmat menjalankan tugas-tugas hakiki di bahagian pentadbiran sehingga diberi kepercayaan membantu wakil pengurusan mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000. Beliau turut ditugaskan untuk membantu di dalam mengendalikan bengkel, seminar serta lawatan Panel Penilaian EAC dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Di peringkat Universiti, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Biro Wanita BAKUTeM, Ahli Kelab Gamelan Staf UTeM serta terlibat dengan Majlis Konvokesyen.

SENARAI NAMA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007 YANG SEDANG CUTI BELAJAR

1. Abdul Rahim bin Abdullah
2. Ir. Rosli bin Omar
3. Shahrul Badariah binti Mat Sah
4. Zulisman bin Maksom
5. Tan Chee Fai

Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA